

BAB 15

KEUSAHAWANAN ISLAM DAN CABARAN USAHAWAN MUSLIM KINI

Mohd Zulkifli Muhammad, Mohd Faisal Ibrahim, Mohd Rusdan Yasoa

PENDAHULUAN

Islam amat mendorong dan menggalakkan umatnya bekerja, bahkan dalam keadaan tertentu bekerja menjadi wajib, khususnya bekerja untuk mengisi keperluan diri sendiri, untuk keluarga dan orang yang di bawah tanggungannya. Bahkan Islam amat membenci pengangguran dan hidup berminta-minta (Seyyed Mahmood Taleqani, 1983:131). Imam Bukhari pernah meriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa suatu hari seorang lelaki menemui Rasulullah SAW untuk meminta sedekah. Setelah keluar dari rumah, Baginda SAW memberi sebilah kapak lantas menyuruhnya pergi bekerja mencari kayu dan menjualnya di pasar. Sebelum lelaki itu pergi, baginda sempat memesan kepadanya agar dua tiga hari lagi datang bertemunya semula. Setelah beberapa hari, lelaki itu menemui Rasulullah SAW semula dan ternyata hasil motivasi dan semangat yang diberikan oleh Rasulullah SAW membantu lelaki itu menjadi seorang usahawan yang terlibat dengan industri perkayuan.

Sabda Nabi Muhammad SAW, yang bermaksud;

“Mencari yang halal adalah fardu atas setiap Muslim”

(Riwayat Ibnu Abdil Bar dari Ibnu Mas'ud).

Umat Islam digalakkan supaya bekerja. Namun begitu, Islam tidak mengkhususkan kepada umatnya untuk melakukan sesuatu kerja tertentu, tetapi memberi garis panduan secara umum kepada segala aktiviti pekerjaan agar tidak semata-mata menghasilkan faedah kebendaan di dunia, tetapi